

# Purple Walk 2017 untuk semua

Larian dianjurkan boleh disertai pelbagai peringkat umur

**BANTING** - Wanita Umno Bahagian Kuala Langat memaklumkan program dianjurkan mereka melibatkan semua peringkat umur.

Ketua Wanita, Rozana Kamaruzaman berkata, program Jelajah Fit Malaysia 'Purple Walk' 2017 yang disertai 700 wanita itu sebenarnya tidak menjadi isu, malah kebanyakan wanita yang sudah berumur terlibat dengan melakukan pergerakan perlahan.

Menurutnya, penyertaan itu tidak menjadi masalah untuk mereka dan boleh disertai oleh pelbagai peringkat umur.

"Program ini memang dapat sambutan dan sokongan pelbagai kaum, tak kira usia. Jadi tak timbul isulah program saya disertai oleh siapa," katanya kepada *Sinar Harian*.

Rozana yang juga Presiden Kelab

Kecergasan MAYC Fit Msia Kuala Langat berkata, program ini bagi menyahut hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi yang sihat.

Katanya, selain berjalan kaki, variasi senamrobik oleh 13 instruktur turut diadakan.

Sementara itu, Pengerusi Pembangunan Persekutuan Parlimen, Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli berkata, beliau mencadangkan variasi program tersebut perlu diberi perhatian dengan lebih menumpukan sesuatu golongan.

Ujarnya, lebih menarik jika senaman untuk warga emas dapat diasingkan dengan senamrobik rancak supaya tidak menimbulkan isu.

"Aktiviti itu tak salah, cuma ia menimbulkan tanggapan negatif masyarakat yang tak faham senaman tersebut," katanya.



Sulaiman menyampalkan penghargaan kepada salah seorang penerima.



Antara peserta Purple Walk yang terlibat.



Sebahagian instruktur yang mengambil bahagian menunjukkan sijil diperolehi.

## Tak perlu modal besar mulakan perniagaan, ikut kemampuan

**GOMBAK** - Meninggalkan zon selesa demi menumpukan minat dalam bidang pembuatan kek dan biskut nyata adalah keputusan tepat buat pemilik Hidayah Bakery, Timah Mat Noh, 63 yang dinobatkan Tokoh Usahawan Industri 2017.

Beliau bersama seorang lagi usahawan muda, Siti Fatimah Hidayah Ismail, 33, adalah dua tokoh yang dipilih sebagai inspirasi buat golongan wanita menceburi bidang tersebut pada Majlis Makan Malam Hari Wanita Peringkat Gombak baru-baru ini.

Timah berkata, dengan keyakinan dan persiapan yang rapi beliau menggunakan wang simpanan RM50,000 dijadikan modal untuk membuka perniagaan ketika usianya 44 tahun.

Menurutnya, dia mengambil risiko berhenti sebagai jururawat



Adun Gombak Setia, Hasbullah Mohd Ridzuan (tengah) bergambar bersama dua tokoh usahawan Siti Fatimah Hidayah (kiri) dan Timah (kanan).

bagi menumpukan sepenuh perhatian dengan hobinya itu.

"Jururawat pun minat juga cuma bagi saya sudah sampai masanya untuk saya melapangkan diri untuk fokus buat kek serta biskut secara sepenuh masa. Waktu itu lebih fleksibel dan tiada komitmen waktu pejabat.

"Ambil masa juga untuk majukan perniagaan, namun Alhamdulillah tiada halangan yang besar dan hingga kini masih teruskan operasi di deretan empat kedai di Sri Harmonis," katanya.

Beliau menasihatkan mereka yang berminat untuk memulakan perniagaan supaya elakkan mem-

buat pinjaman dan bermula dengan modal yang ada.

"Alhamdulillah sehingga kini saya beroperasi tanpa hutang dan kini mengembangkan lagi perniagaan untuk pengeluaran produk sejuk beku pula.

"Harapan saya suatu hari nanti hasrat untuk membuka pasaraya

sendiri jadi kenyataan," katanya.

Sementara itu, Siti Fatimah Hidayah berkata, untuk ke tahap sekarang beliau dan suami pernah mengalami kegagalan dalam perniagaan.

"Saya dan suami banyak mencuba produk sehingga sekarang pengeluar Coklat IQ diterima dalam pasaran tempatan dan luar negara. Bantuan melalui ejen banyak membantu dari segi pemasaran sehingga berjaya mengeluarkan sebanyak tiga tan sebulan.

"Kita kena berani mencuba dan tak takut semasa memulakan perniagaan. Modal permulaan biarlah ikut kemampuan jika ada rezeki lebih barulah besarkan perniagaan. Saya gunakan enam pekerja untuk pengeluaran yang ada antaranya di ambil secara pekerja sambilan terutama dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi," katanya.